

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH  
[KUALA TERENGGANU]**

**TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan mengadakan kawalan ke atas nelayan-nelayan asing yang sekarang ini begitu bebas keluar masuk pelabuhan Malaysia seperti telah berlaku di pelabuhan Chendering seperti dilaporkan di Parlimen sejak 2014.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelabuhan Perikanan Chendering adalah di bawah kawalan dan pentadbiran Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Hanya bot nelayan tempatan sahaja yang dibenarkan keluar masuk bagi tujuan pemungghahan hasil laut di pelabuhan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bot nelayan tempatan yang mempunyai krew warganegara asing adalah bebas untuk keluar masuk Pelabuhan Perikanan Chendering jika pengusaha bot mempunyai permit kerja dan passport yang sah bagi krew tersebut dari Jabatan Perikanan dan telah mendapat kelulusan dari LKIM.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melaksanakan penguatkuasaan di perairan Chendering, Kuala Terengganu di bawah Daerah Maritim 9, Kuala Terengganu dan melaksanakan pemeriksaan ke atas bot-bot nelayan tempatan.

Hasil penguatkuasaan dan pemeriksaan oleh APMM sejak tahun 2006, 774 buah bot dengan jumlah krew seramai 6398 orang telah ditahan. Pada tahun ini sahaja, sejumlah 65 bot nelayan asing yang melibatkan 544 krew telah ditahan.

Sekian. Terima kasih.